



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PINJAMAN ATAU PENDAHULUAN KEPADA
PENGARAH OLEH SYARIKAT**

KETETAPAN UMUM NO. 8/2015

TARIKH PENERBITAN: 30 NOVEMBER 2015



**PINJAMAN ATAU PENDAHULUAN
KEPADA PENGARAH OLEH
SYARIKAT**

**Ketetapan Umum No. 8/2015
Tarikh Penerbitan: 30 November 2015**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Diterbitkan oleh:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2015 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri
Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



**PINJAMAN ATAU PENDAHULUAN
KEPADA PENGARAH OLEH
SYARIKAT**

**Ketetapan Umum No. 8/2015
Tarikh Penerbitan: 30 November 2015**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

KANDUNGAN	MUKA SURAT
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Layanan Cukai	2
5. Pengiraan Pendapatan Faedah Ke Atas Pinjaman Atau Pendahuluan Kepada Pengarah Syarikat	9
6. Pinjaman Atau Pendahuluan Oleh Syarikat Dorman Kepada Pengarah Syarikat	17
7. Peruntukan Lain Berhubung Pinjaman Atau Pendahuluan Kepada Pengarah	17

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 [ACP] memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian dari Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan layanan cukai ke atas:

- (a) Syarikat yang memberikan pinjaman atau pendahuluan kepada pengarah syarikat tanpa faedah atau dengan kadar faedah yang rendah daripada kadar selengan; dan
- (b) Pendapatan faedah yang disifatkan diterima oleh syarikat daripada pemberian pinjaman atau pendahuluan tersebut.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1. KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2. Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2 dan 140B, subseksyen 21A(8), 29(3), 75A(2) dan 140A(2) dan perenggan 4(c).

3. Tafsiran

Perkataan-perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut –

- 3.1 “Faedah” adalah pulangan atau pampasan untuk kegunaan atau penahanan oleh seseorang sejumlah wang yang dimiliki oleh atau terhutang kepada orang.
- 3.2 “Majikan” berhubung dengan sesuatu penggajian, bermaksud –
 - a) tuan, di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan;
 - b) di manaperhubungan di antara tuan dan orang suruhan tidak wujud, ianya adalah orang yang membayar atau bertanggungjawab untuk membayar saraan pekerja yang digajikan, walaupun orang yang membayar dan pekerja itu adalah orang yang sama yang bertindak dalam kapasiti yang berlainan.
- 3.3 “Pekerja”, berhubung dengan sesuatu penggajian, bermaksud –
 - a) orang suruhan, di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan;
 - b) di mana perhubungan itu tidak wujud, ianya adalah pemegang pelantikan atau perjawatan yang menzahirkan penggajian tersebut.

- 3.4 “Penggajian” bermaksud –
- a) penggajian di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan;
 - b) mana-mana pelantikan atau perjawatan, sama ada terbuka atau sebaliknya dan sama ada atau tidak terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan, yang mana saraan kena dibayar.
- 3.5 “Pengaruh” bermaksud pengaruh syarikat seperti ditakrifkan di bawah subseksyen 75A(2) ACP.
- 3.7. “Perkongasian” bermaksud apa-apa jenis persatuan (termasuk usaha sama, sindiket-sindiket dan kes-kes di mana satu pihak kepada persatuan itu adalah dengan sendirinya suatu perkongasian) di antara pihak-pihak yang telah bersetuju untuk menggabungkan apa-apa hak, kuasa, harta, tenaga atau kemahiran mereka bagi maksud menjalankan suatu perniagaan dan berkongsi keuntungan daripadanya, tetapi tidak termasuk suatu keluarga sekutu hindu walaupun keluarga sekutu hindu itu adalah pekongsi dalam suatu perkongasian, suatu perkongasian liabiliti terhadap dan mana-mana persatuan yang diwujudkan menurut skim pembiayaan selaras dengan prinsip-prinsip syariah.
- 3.8. “Syarikat” bermaksud suatu pertubuhan perbadanan dan termasuklah mana-mana kumpulan orang yang ditubuhkan dengan suatu identiti yang berasingan di sisi undang-undang oleh atau di bawah undang-undang sesuatu wilayah di luar Malaysia dan suatu perniagaan amanah.
- 3.9. “Tahun taksiran” bermaksud tahun kalendar.
- 3.10. “Tempoh asas”, berhubung dengan seseorang, punca seseorang dan suatu tahun taksiran, bermaksud tempoh asas tersebut, jika ada, seperti mana ditentukan mengikut seksyen 21 atau 21A ACP.

4. Layan Cukai

4.1. Pinjaman atau pendahuluan kepada pengarah

Syarikat yang memberikan pinjaman atau pendahuluan kepada pengarah tanpa faedah atau dengan kadar faedah yang rendah daripada kadar selengan disifatkan menerima pendapatan faedah daripada pinjaman atau pendahuluan itu bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran dan ditaksir di bawah perenggan 4(c) ACP.

Jika syarikat memberikan pinjaman atau pendahuluan kepada pengarah yang dibiayai sepenuhnya daripada dana dalaman, syarikat tersebut disifatkan mempunyai pendapatan kasar yang terdiri daripada faedah dari pinjaman

atau pendahuluan itu bagi tempoh asas tersebut dan seksyen 140B ACP adalah terpakai.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya pinjaman atau pendahuluan kepada pengarah dibiayai daripada dana luar atau pihak ketiga, maka peruntukan seksyen 140B ACP adalah tidak terpakai.

4.2. Dana pinjaman atau pendahuluan

Pinjaman atau pendahuluan kepada pengarah syarikat boleh dibiayai melalui tiga (3) dana berikut –

4.2.1 Dana dalaman

Dana dalaman adalah lebih daripada dana yang boleh terhasil daripada suntikan modal, keuntungan tertahan dan rizab syarikat.

Contoh 1

A Sdn Bhd memberikan pinjaman tanpa faedah kepada pengarah syarikat yang dibiayai melalui rizab syarikat berjumlah RM100,000 pada 1.3.2014. Tempoh bayaran balik pinjaman yang ditetapkan oleh syarikat kepada pengarah adalah selama 5 tahun bermula pada 1.4.2014. Tiada bayaran balik pinjaman dibuat oleh pengarah sehingga 31.12.2014.

Bagi tujuan seksyen 140B ACP, syarikat disifatkan menerima pendapatan faedah daripada pinjaman yang diberikan kepada pengarah daripada dana dalaman mulai 1.4.2014. Penentuan pendapatan faedah yang disifatkan diterima oleh syarikat adalah mengikut formula yang ditetapkan dengan Kadar Berian Pinjaman Purata (KBPP) yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan ditaksir di bawah perenggan 4(c) ACP.

Contoh 2

B Sdn Bhd (akaun ditutup pada setiap 31 Disember) merupakan sebuah syarikat subsidiari kepada C Sdn Bhd. Pada 1.5.2012, C Sdn Bhd telah menyuntik modal sebanyak RM2 juta kepada B Sdn Bhd bagi membesarkan perniagaan syarikat. Sebahagian modal yang diperolehi oleh B Sdn Bhd telah dipinjamkan kepada pengarah syarikat setelah diluluskan di dalam mesyuarat lembaga pengarah syarikat. Butiran pinjaman kepada pengarah adalah seperti berikut:

Tarikh Pinjaman	Jumlah Pinjaman	Kadar Faedah	Tempoh Pinjaman
1.10.2014	RM300,000	2%	5 tahun

Pinjaman yang diberikan kepada pengarah adalah tertakluk kepada seksyen 140B ACP kerana ianya merupakan pembiayaan melalui sumber dana dalaman syarikat. Penentuan pendapatan faedah yang disifatkan diterima oleh B Sdn Bhd adalah mengikut formula yang ditetapkan di bawah subseksyen 140B(2) ACP atau berdasarkan amaun faedah yang dikenakan oleh syarikat, yang mana lebih tinggi sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 140B(3) ACP.

Contoh 3

D Sdn Bhd (akaun ditutup setiap pada 31 Disember) telah memperolehi pinjaman bank sebanyak RM1 juta dengan kadar faedah 4% setahun pada 1.2.2014. Tempoh bayaran balik pinjaman adalah selama 5 tahun. Pinjaman yang diterima telah digunakan oleh syarikat untuk membesarkan perniagaan dengan membuka beberapa cawangan baharu dan memperkenalkan beberapa produk baharu. Berdasarkan kepada strategi yang dilakukan, keuntungan syarikat telah meningkat sebanyak 20% hingga 40% pada tahun 2014, 2015 dan 2016. Syarikat berjaya menjelaskan pinjaman dan faedah mengikut tempoh yang ditetapkan. Pada 1.1.2017, mesyuarat lembaga pengarah syarikat telah bersetuju untuk memberikan pinjaman tanpa faedah sebanyak RM200,000 kepada pengarah syarikat daripada keuntungan tertahan syarikat. Tempoh bayaran balik pinjaman oleh pengarah adalah selama 5 tahun.

Pinjaman yang diberikan kepada pengarah adalah tertakluk kepada seksyen 140B ACP dan penentuan pendapatan faedah yang disifatkan diterima oleh D Sdn Bhd adalah mengikut formula yang ditetapkan dengan KBPP yang diterbitkan oleh BNM dan ditaksir di bawah perenggan 4(c) ACP.

4.2.2 Dana luar

Dana luar adalah merujuk kepada sumber kewangan yang diperolehi oleh syarikat melalui pinjaman daripada pihak ketiga seperti bank atau syarikat berkaitan yang secara spesifik untuk membiayai pinjaman atau pendahuluan kepada pengarah. Keputusan untuk memperolehi pinjaman daripada dana luar dapat dirujuk melalui resolusi lembaga pengarah atau minit mesyuarat lembaga pengarah.

Contoh 4

Fakta sama seperti Contoh 1. Pada 1.11.2014, A Sdn Bhd sekali lagi bercadang untuk memberi pinjaman kepada pengarah syarikat sebanyak RM100,000 yang dibiayai dana luar. Keputusan untuk memberi pinjaman ini telah dipersetujui di dalam mesyuarat ahli lembaga pengarah syarikat.

Pinjaman kepada pengarah pada 1.11.2014 adalah tidak tertakluk kepada seksyen 140B ACP kerana pinjaman telah dibiayai daripada dana pihak ketiga.

Contoh 5

G Sdn Bhd telah menetapkan polisi untuk menyediakan dana pinjaman kepada pengarah yang dibiayai daripada pinjaman bank. Untuk tujuan tersebut syarikat telah membuat pinjaman sebanyak RM1 juta daripada bank untuk membiayai sebarang pinjaman yang dibuat oleh pengarah dalam tempoh 3 tahun.

Pinjaman yang diberikan kepada pengarah tidak tertakluk kepada seksyen 140B ACP kerana pembiayaan diperolehi daripada dana luar.

4.2.3 Dana campuran

Jika suatu pinjaman atau pendahuluan kepada pengarah adalah terdiri daripada dana dalaman dan dana luar, pendapatan faedah dikira hanya ke atas bahagian jumlah daripada dana dalaman sahaja. Dalam keadaan sedemikian, syarikat perlu membuktikan bahawa sebahagian / semua pinjaman atau pendahuluan adalah daripada dana luar dan tidak tertakluk kepada seksyen 140B ACP. Sekiranya pinjaman daripada dana luar digunakan sebahagiannya untuk tujuan perniagaan dan sebahagiannya lagi bagi tujuan pelaburan, maka sekatan faedah di bawah subseksyen 33(2) ACP adalah terpakai. Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam KU No. 2/2011 bertarikh 7 Februari 2011.

Contoh 6

H Sdn Bhd mempunyai 3 orang pengarah yang masing-masing memegang saham biasa syarikat seperti berikut –

Bil	Nama Pengarah	Pegangan Saham (%)
1	Pengarah A	30%

2	Pengarah B	30%
3	Pengarah C	40%

Berdasarkan kepada resolusi lembaga pengarah, syarikat bersetuju untuk memberikan pinjaman tanpa faedah berjumlah RM1 juta pada 1.11.2014 kepada semua pengarah syarikat mengikut peratus pegangan saham setiap pengarah. Pinjaman adalah dibiayai melalui dana dalaman sebanyak RM600,000 dan dana luar sebanyak RM400,000. Jumlah pinjaman adalah seperti berikut –

Bil	Nama Pengarah	Jumlah Pinjaman (RM)		
		Dana Dalaman	Dana Luar	Jumlah
1	Pengarah A (30%)	180,000	120,000	300,000
2	Pengarah B (30%)	180,000	120,000	300,000
3	Pengarah C (40%)	240,000	160,000	400,000
Jumlah		600,000	400,000	1,000,000

Bagi maksud seksyen 140B ACP, pendapatan faedah ke atas pinjaman yang diberikan kepada pengarah hanya akan dikira ke atas pinjaman yang dibiayai melalui dana dalaman sahaja.

Contoh 7

J Sdn Bhd telah membuat pinjaman daripada bank sebanyak RM2 juta dengan faedah 4% setahun. Pinjaman adalah bagi tujuan perniagaan dan dana untuk pinjaman kepada pengarah. Jumlah pinjaman kepada pengarah adalah sebanyak RM300,000. Pinjaman yang diberikan adalah tanpa sebarang faedah.

Di dalam kes ini, tiada pendapatan faedah yang disifatkan diterima oleh J Sdn Bhd kerana pinjaman yang diberikan adalah diperolehi daripada dana luar.

4.3. Pinjaman atau pendahuluan daripada dana luar kepada pengarah yang juga adalah pekerja syarikat

Sekiranya syarikat memperolehi pinjaman daripada pihak ketiga untuk memberi pinjaman atau pendahuluan kepada pengarah syarikat yang juga merupakan pekerjanya, maka amaun perkuisit adalah kos faedah yang ditanggung oleh majikan tersebut bagi membiayai kemudahan pinjaman.

Perkuisit yang diterima merupakan suatu manfaat penggajian kepada pekerja terbabit dan merupakan sebahagian daripada pendapatan kasar pekerja tersebut di bawah perenggan 13(1)(a) ACP.

Maklumat lanjut berhubung layanan cukai ke atas perkuisit yang diterima oleh pekerja boleh dirujuk di dalam KU No. 2/2013 bertarikh 28 Februari 2013.

4.4 Pinjaman atau pendahuluan kepada pengarah melalui suatu perkongsian

Bagi pinjaman atau pendahuluan yang diberikan oleh syarikat kepada perkongsian yang mana pekongsi-pekongsi terdiri daripada pengarah syarikat yang memberi pinjaman, pinjaman atau pendahuluan yang diberikan tersebut adalah tertakluk kepada seksyen 140B ACP. Perkongsian bukan suatu entiti undang-undang berasingan. Ini bermakna pengurusan, kuasa, tindakan undang-undang dan tanggungjawab ke atas perkongsian adalah ke atas setiap pekongsi tersebut. Oleh itu, pinjaman yang diberi kepada perkongsian disifatkan sebagai diberi kepada pengarah. Pemakaian peruntukan ini hanya terpakai ke atas pekongsi yang juga merupakan pengarah kepada syarikat. Jumlah pinjaman yang diberikan kepada pengarah adalah berdasarkan kepada peratus sumbangan modal setiap pekongsi berkenaan.

Contoh 8

Pada 1.6.2014, K Sdn Bhd meminjamkan RM300,000 kepada Perkongsian XYZ yang merupakan suatu perkongsian di mana pekongsi adalah juga pengarah yang memegang lebih daripada 20% saham biasa dalam K Sdn. Bhd.

Butiran pegangan saham pengarah dan sumbangan modal di dalam K Sdn Bhd dan perkongsian XYZ adalah seperti berikut:

Bil	Nama Pengarah	Pegangan Saham K Sdn Bhd(%)	Sumbangan Modal Perkongsian XYZ (%)
1	Pengarah M	20	20
2	Pengarah N	20	20
3	Pengarah H	60	60

Bagi maksud seksyen 140B ACP, pinjaman yang diberikan kepada perkongsian XYZ dianggap diberikan kepada pengarah syarikat memandangkan pekongsi dan pengarah adalah orang yang sama.

Contoh 9

Fakta kes sama seperti di Contoh 8. Walau bagaimanapun pegangan saham dan sumbangan modal bagi setiap pengarah di dalam K Sdn Bhd dan perkongsian XYZ adalah seperti berikut:

Bil	Nama Pengarah	Pegangan Saham K Sdn Bhd(%)	Sumbangan Modal Perkongsian XYZ (%)
1	Pengarah M	30	30
2	Pengarah N	10	10
3	Pengarah H	60	60

Memandangkan pegangan saham Pengarah N adalah kurang daripada 20%, beliau bukan ditafsir sebagai 'pengarah' seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 75A(2) ACP. Oleh itu bagi tujuan seksyen 140B ACP, hanya 90% jumlah pinjaman kepada perkongsian XYZ diambil dikira untuk menentukan pendapatan faedah yang disifatkan diterima oleh K Sdn Bhd.

Contoh 10

L Sdn Bhd telah meminjamkan sebanyak RM700,000 kepada perkongsian ABC dengan faedah pinjaman sebanyak 4%. Perkongsian ABC terdiri daripada 3 orang pekongsi di mana 2 orang pekongsi adalah juga merupakan pengarah di L Sdn Bhd.

Pecahan pegangan saham dan sumbangan modal oleh pengarah di L Sdn Bhd dan di perkongsian ABC adalah seperti berikut-

Bil	Nama Pengarah	Pegangan Saham L Sdn Bhd(%)	Sumbangan Modal Perkongsian ABC (%)
1	Pengarah P	50	30
2	Pengarah S	50	30
3	Pekongsi T	-	40

Sumbangan modal oleh pengarah P dan S masing-masing sebanyak 30%. Jumlah sumbangan modal kedua-dua pengarah (60%) akan dijadikan asas untuk menentukan amaun pinjaman yang diberikan kepada pengarah. Oleh itu, daripada amaun RM700,000 pinjaman yang diberikan kepada perkongsian ABC, amaun sebanyak RM420,000 akan tertakluk kepada seksyen 140B ACP dan pengiraan berdasarkan kepada formula yang ditetapkan di bawah subseksyen 140B(2) ACP.

5 Pengiraan Pendapatan Faedah Ke Atas Pinjaman Atau Pendahuluan Kepada Pengarah Syarikat

5.1 Penentuan pendapatan faedah yang disifatkan diterima

Bagi maksud penentuan kadar dan jumlah pendapatan faedah yang disifatkan diterima oleh syarikat di dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, maka faedah akan dikira secara bulanan atas baki pinjaman bulanan berdasarkan kepada formula di bawah –

$$\frac{1}{12} \times A \times B$$

di mana –

A = jumlah amaun baki pinjaman atau pendahuluan pada akhir bulan kalendar; dan

B = KBPP bank perdagangan yang diterbitkan oleh BNM ke atas pinjaman atau pendahuluan tanpa faedah pada setiap akhir bulan kalendar atau kadar faedah lain yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri jika tiada kadar KBPP yang diterbitkan.

Jumlah baki pinjaman atau pendahuluan pada akhir bulan kalendar adalah merujuk kepada baki pinjaman atau pendahuluan selepas ditolak bayaran balik pinjaman atau pendahuluan yang dibuat dan ditambah dengan pinjaman atau pendahuluan baharu yang dibuat pada bulan tersebut.

5.2 Tarikh kuat kuasa peruntukan

Peruntukan seksyen 140B ACP berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2014 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya. Penentuan pendapatan faedah yang disifatkan diterima oleh syarikat akan dikira ke atas apa-apa baki jumlah pinjaman atau pendahuluan yang belum dijelaskan pada setiap akhir bulan kalendar. Ini termasuk baki sedia ada bagi pinjaman atau pendahuluan yang dibuat sebelum tahun taksiran 2014.

Contoh 11

M Sdn Bhd telah memberikan pinjaman sebanyak RM1 juta kepada seorang pengarah syarikat tanpa faedah pada 10.8.2012. Tiada bayaran balik dibuat oleh pengarah sehingga 31.12.2014. Pendapatan faedah bagi tahun taksiran 2014 bagi M Sdn Bhd adalah seperti berikut –

Bulan	Baki Pinjaman (RM)	KBPP (%)*	Pendapatan Faedah Yang Disifatkan DiTerima (RM)
Jan 2014	b/h 1,000,000	4.6	$1,000,000 \times 4.6\% \times 1/12 = 3,833$
Feb 2014	1,000,000	4.5	$1,000,000 \times 4.5\% \times 1/12 = 3,750$
Mac 2014	1,000,000	4.5	$1,000,000 \times 4.5\% \times 1/12 = 3,750$
Apr 2014	1,000,000	4.6	$1,000,000 \times 4.6\% \times 1/12 = 3,833$
Mei 2014	1,000,000	4.6	$1,000,000 \times 4.6\% \times 1/12 = 3,833$
Jun 2014	1,000,000	4.6	$1,000,000 \times 4.6\% \times 1/12 = 3,833$
Jul 2014	1,000,000	4.6	$1,000,000 \times 4.6\% \times 1/12 = 3,833$
Ogos 2014	1,000,000	4.6	$1,000,000 \times 4.6\% \times 1/12 = 3,833$
Sept 2014	1,000,000	4.6	$1,000,000 \times 4.6\% \times 1/12 = 3,833$
Okt 2014	1,000,000	4.6	$1,000,000 \times 4.6\% \times 1/12 = 3,833$
Nov 2014	1,000,000	4.6	$1,000,000 \times 4.6\% \times 1/12 = 3,833$
Dis 2014	1,000,000 [h/h]	4.6	$1,000,000 \times 4.6\% \times 1/12 = 3,833$
Jumlah Pendapatan Faedah Yang Disifatkan Diterima			45,830

*KBPP untuk tujuan contoh sahaja.

Jumlah pendapatan faedah yang disifatkan diterima oleh syarikat adalah sebanyak RM45,830 dan akan ditaksir di bawah perenggan 4(c) ACP.

Sekiranya tempoh asas sesuatu syarikat bagi tahun taksiran 2014, bermula dalam tahun 2013, maka pendapatan faedah yang diambil kira adalah amaun faedah yang dikira ke atas baki jumlah pinjaman atau pendahuluan yang belum dijelaskan bermula dari 1.1.2014.

Contoh 12

N Sdn Bhd menutup akaun pada 30 April setiap tahun. Tempoh perakaunan bagi tahun taksiran 2014 adalah dari 1.5.2013 hingga 30.4.2014. N Sdn Bhd telah memberikan pinjaman tanpa faedah kepada pengarah syarikat pada 1.7.2013 berjumlah RM50,000. Tiada bayaran balik pinjaman dibuat oleh pengarah sehingga akhir tempoh perakaunan.

Bagi maksud pemakaian seksyen 140B ACP, pendapatan faedah yang ditaksir ke atas syarikat bagi tahun taksiran 2014 hanya dikira ke atas baki

pinjaman pada akhir setiap bulan kalendar mulai 1.1.2014 hingga 30.4.2014 sahaja.

5.3 Penentuan dan amaun pendapatan faedah yang disifatkan diterima oleh syarikat

Amaun faedah yang ditentukan atau disifatkan diterima oleh syarikat adalah tertakluk kepada kadar faedah yang dikenakan iaitu –

a) Tanpa Faedah

Sekiranya pinjaman atau pendahuluan yang diberikan oleh syarikat kepada pengarah adalah tanpa faedah, maka amaun faedah akan dikira atau ditentukan berdasarkan kepada formula yang ditetapkan dengan KBPP yang diterbitkan oleh BNM pada tahun asas di mana pinjaman atau pendahuluan tersebut diberikan.

i) Tiada bayaran balik dibuat oleh pengarah

Contoh 13

Pada 1.10.2014, P Sdn Bhd telah memberikan pendahuluan kepada pengarah syarikat sebanyak RM100,000 untuk tujuan peribadi. Pendahuluan adalah tanpa faedah dan diperoleh daripada dana dalaman. Tiada sebarang tempoh bayaran balik ditetapkan oleh syarikat kepada pengarah. Tiada bayaran balik dibuat oleh pengarah terbabit sehingga 31.12.2014. KBPP diterbitkan oleh BNM bagi tempoh Oktober hingga Disember 2014 adalah sebanyak 4% setiap tahun.

Pengiraan faedah bagi tahun taksiran 2014 adalah seperti berikut-

Bulan	Baki Pinjaman (RM)	Pendapatan Faedah Yang Disifatkan Diterima (RM)
Okt 2014	100,000 @ 4% x 1/12	333
Nov 2014	100,000 @ 4% x 1/12	333
Dis 2014	100,000 @ 4% x 1/12	333
Jumlah Pendapatan Faedah Yang Disifatkan Diterima		999

Contoh 14

Pengarah A yang juga pemegang saham Q Sdn Bhd telah memperoleh pinjaman tanpa faedah daripada syarikat tersebut berjumlah RM100,000 pada bulan Februari bagi tahun taksiran 2014.

Pengarah A tidak membuat sebarang bayaran bagi tahun taksiran 2014 yang sepatutnya bermula dari bulan Mac 2014. Q Sdn Bhd disifatkan menerima pendapatan faedah daripada pinjaman tersebut berdasarkan KBPP yang diterbitkan oleh BNM (anggap 3%) bagi tahun 2014.

Pendapatan faedah yang disifatkan diterima oleh Q Sdn Bhd bagi tahun taksiran 2014 akan ditaksir di bawah perenggan 4(c) ACP dan dikira mengikut formula seperti berikut:

Tahun Taksiran 2014	Baki Pinjaman (RM)	Pendapatan Faedah Yang Disifatkan Diterima (RM)
Mac – Dis	100,000 @ 3% x10 /12	2,500

ii) Ada bayaran balik dibuat oleh pengarah

Contoh 15

Pengarah B yang juga pemegang saham R Sdn Bhd telah memperoleh pinjaman tanpa faedah dalam tahun taksiran 2014 daripada syarikat tersebut berjumlah RM100,000 pada bulan Februari 2014.

Pada bulan April 2014, Pengarah B telah membuat bayaran berjumlah RM10,000 yang sepatutnya dibuat pada bulan Mac 2014. Pada bulan September 2014, R Sdn Bhd telah memberikan pendahuluan tambahan kepada Pengarah B sebanyak RM30,000.

Pengiraan pendapatan faedah yang disifatkan kepada R Sdn Bhd bagi tahun taksiran 2014 berdasarkan kepada formula di bawah subseksyen 140B(2) ACP (anggap KBPP 3%) adalah seperti berikut-

Tahun Taksiran 2014

Bulan	Baki Pinjaman (RM)	Pendapatan Faedah Yang Disifatkan Diterima(RM)
Mac	100,000 @ 3% x 1/12	250
Apr	(100,000 – 10,000) @ 3% x 1/12	225
Mei	90,000 @ 3% x 1/12	225
Jun	90,000 @ 3% x 1/12	225
Jul	90,000 @ 3% x 1/12	225
Ogos	90,000 @ 3% x 1/12	225
Sept	(90,000 + 30,000) @ 3% x 1/12	300
Okt	120,000 @ 3% x 1/12	300
Nov	120,000 @ 3% x 1/12	300
Dis	120,000 @ 3% x 1/12	300
Jumlah Pendapatan Faedah Yang Disifatkan Diterima		2,575

R Sdn Bhd disifatkan menerima pendapatan faedah bagi tempoh asas dalam tahun taksiran 2014 tersebut berjumlah RM2,575 berdasarkan kepada formula yang ditetapkan. Pendapatan faedah yang disifatkan diterima oleh syarikat akan ditaksir di bawah perenggan 4(c) ACP.

b) Dengan faedah

Jika syarikat mengenakan faedah ke atas pinjaman atau pendahuluan kepada pengarah, maka amaun faedah yang disifatkan diterima oleh syarikat di bawah seksyen 140B ACP akan ditentukan dengan membandingkan amaun faedah yang dikira berdasarkan kepada -

- (i) kadar faedah yang dikenakan oleh syarikat; atau
- (ii) formula di bawah subseksyen 140B(2) ACP

Jumlah pendapatan faedah yang mana lebih tinggi akan diambil kira sebagai pendapatan faedah yang disifatkan diterima oleh syarikat pada tempoh asas bagi suatu tahun taksiran tersebut.

i) Kadar faedah yang dikenakan oleh syarikat lebih tinggi daripada KBPP yang diterbitkan oleh BNM

Jika amaun faedah yang dikenakan ke atas pinjaman atau pendahuluan oleh syarikat adalah melebihi faedah dikenakan berdasarkan kepada formula di bawah subseksyen 140B(2) ACP, maka faedah yang dikenakan dan kena dibayar oleh pengarah kepada syarikat akan diambil sebagai pendapatan faedah kepada syarikat bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran tersebut dan ditaksir di bawah perenggan 4(c) ACP. Peruntukan seksyen 140B ACP adalah tidak terpakai dalam kes sedemikian.

Contoh 16

Pada 1.3.2014, S Sdn Bhd telah memberi pendahuluan sebanyak RM100,000 kepada Pengarah C dengan kadar faedah 5% berbanding dengan KBPP yang diterbitkan oleh BNM sebanyak 3%. Pada bulan April 2014, Pengarah C telah membuat bayaran berjumlah RM10,000. Pada bulan September 2014, S Sdn Bhd telah memberikan pendahuluan tambahan kepada Pengarah C sebanyak RM30,000.

Untuk penentuan pendapatan faedah ke atas pendahuluan yang diberikan, kadar faedah yang dikenakan yang mana lebih tinggi akan diambil untuk pengiraan pendapatan faedah kepada S Sdn Bhd bagi tahun taksiran 2014. Pengiraan adalah seperti berikut-

Tahun Taksiran 2014

Bulan	Baki Pinjaman (RM)	Faedah Dikenakan Oleh Syarikat (5%) (RM)	Pendapatan Faedah Yang Disifatkan Diterima Berdasarkan Formula (3%) (RM)
Mac	100,000	$100,000 \times 5\% \times 1/12 = 417$	$100,000 \times 3\% \times 1/12 = 250$
Apr	90,000 (100,000 – 10,000)	$90,000 \times 5\% \times 1/12 = 375$	$90,000 \times 3\% \times 1/12 = 225$
Mei	90,000	$90,000 \times 5\% \times 1/12 = 375$	$90,000 \times 3\% \times 1/12 = 225$
Jun	90,000	$90,000 \times 5\% \times 1/12 = 375$	$90,000 \times 3\% \times 1/12 = 225$
Jul	90,000	$90,000 \times 5\% \times 1/12 = 375$	$90,000 \times 3\% \times 1/12 = 225$

Ogos	90,000	$90,000 \times 5\% \times 1/12 = 375$	$90,000 \times 3\% \times 1/12 = 225$
Sept	120,000 (90,000 + 30,000)	$120,000 \times 5\% \times 1/12 = 500$	$120,000 \times 3\% \times 1/12 = 300$
Okt	120,000	$120,000 \times 5\% \times 1/12 = 500$	$120,000 \times 3\% \times 1/12 = 300$
Nov	120,000	$120,000 \times 5\% \times 1/12 = 500$	$120,000 \times 3\% \times 1/12 = 300$
Dis	120,000	$120,000 \times 5\% \times 1/12 = 500$	$120,000 \times 3\% \times 1/12 = 300$
Jumlah pendapatan faedah		4,292	2,575

Memandangkan faedah yang dikenakan oleh syarikat adalah lebih tinggi berbanding amaun dikira dengan formula yang ditetapkan, maka jumlah pendapatan faedah yang dikenakan dan kena dibayar oleh Pengarah C kepada syarikat sebanyak RM4,292 adalah merupakan pendapatan faedah kepada syarikat bagi tahun taksiran 2014. Pendapatan faedah yang disifatkan diterima oleh S Sdn Bhd berdasarkan kepada formula yang ditetapkan di bawah subseksyen 140B(2) ACP berjumlah RM2,575 adalah tidak diambil kira.

ii) Kadar faedah yang dikenakan oleh syarikat lebih rendah daripada KBPP yang diterbitkan oleh BNM

Jika amaun faedah yang dikenakan oleh syarikat kurang daripada amaun faedah yang disifatkan diterima oleh syarikat menurut formula di bawah subseksyen 140B(2) ACP, maka faedah dikenakan oleh syarikat tidak akan diambil kira. Faedah yang disifatkan diterima menurut formula di bawah subseksyen 140B(2) ACP terpakai dan merupakan pendapatan faedah syarikat yang ditaksir di bawah perenggan 4(c) ACP.

Contoh 17

Pengarah D yang juga pemegang saham kepada T Sdn Bhd telah memperoleh pinjaman pada bulan Februari 2014 sebanyak RM100,000 dengan kadar faedah sebanyak 1% yang mana kadar ini lebih rendah berbanding KBPP dalam tahun taksiran 2014 iaitu sebanyak 3% (anggapan sahaja).

Pada bulan Julai 2014, Pengarah D telah membuat bayaran berjumlah RM20,000. Pada bulan November, T Sdn Bhd telah memberikan pendahuluan tambahan kepada Pengarah D sebanyak

RM40,000. Pengiraan pendapatan faedah syarikat bagi tahun taksiran 2014 adalah seperti di bawah -

Tahun Taksiran 2014

Bulan	Baki Pinjaman (RM)	Faedah Dikenakan Oleh Syarikat (RM) (1%)	Pendapatan Faedah Yang Disifatkan Diterima berdasarkan formula (RM) (3%)
Feb	100,000	$100,000 \times 1\% \times 1/12 = 83$	$100,000 \times 3\% \times 1/12 = 250$
Mac	100,000	$100,000 \times 1\% \times 1/12 = 83$	$100,000 \times 3\% \times 1/12 = 250$
Apr	100,000	$100,000 \times 1\% \times 1/12 = 83$	$100,000 \times 3\% \times 1/12 = 250$
Mei	100,000	$100,000 \times 1\% \times 1/12 = 83$	$100,000 \times 3\% \times 1/12 = 250$
Jun	100,000	$100,000 \times 1\% \times 1/12 = 83$	$100,000 \times 3\% \times 1/12 = 250$
Jul	80,000 (100,000 - 20,000)	$80,000 \times 1\% \times 1/12 = 67$	$80,000 \times 3\% \times 1/12 = 200$
Ogos	80,000	$80,000 \times 1\% \times 1/12 = 67$	$80,000 \times 3\% \times 1/12 = 200$
Sept	80,000	$80,000 \times 1\% \times 1/12 = 67$	$80,000 \times 3\% \times 1/12 = 200$
Okt	80,000	$80,000 \times 1\% \times 1/12 = 67$	$80,000 \times 3\% \times 1/12 = 200$
Nov	120,000 (80,000 + 40,000)	$120,000 \times 1\% \times 1/12 = 100$	$120,000 \times 3\% \times 1/12 = 300$
Dis	120,000	$120,000 \times 1\% \times 1/12 = 100$	$120,000 \times 3\% \times 1/12 = 300$
Jumlah pendapatan faedah		883	2,650

Memandangkan amaun faedah yang dikenakan oleh syarikat berjumlah RM883 lebih rendah berbanding dengan jumlah pendapatan faedah yang disifatkan diterima oleh syarikat berdasarkan kepada formula di bawah subseksyen 140B(2) ACP, maka amaun RM883 tidak diambil kira. Amaun RM2,650 dianggap pendapatan faedah yang disifatkan diterima oleh syarikat untuk tahun taksiran 2014 dan akan ditaksir di bawah perenggan 4(c) ACP.

6 Pinjaman Atau Pendahuluan Oleh Syarikat Dorman Kepada Pengarah Syarikat

Sekiranya syarikat dorman (tidak aktif) memberikan pinjaman atau pendahuluan kepada pengarah maka syarikat tersebut telah dianggap memulakan operasi seperti mana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 21A(8) ACP. Pinjaman atau pendahuluan kepada pengarah adalah tertakluk kepada seksyen 140B ACP dan pendapatan berkanun dari pendapatan faedah yang disifatkan diterima oleh syarikat akan ditaksir di bawah perenggan 4(c) ACP.

Contoh 18

Sebuah syarikat telah ditubuhkan dengan modal berbayar sebanyak RM150,000 pada 1.5.2012. Syarikat tidak bercadang untuk memulakan perniagaan untuk beberapa tahun dan pada 1.3.2014, syarikat telah memberikan pinjaman tanpa faedah berjumlah RM100,000 kepada Pengarah E. Tiada bayaran balik pinjaman dibuat oleh pengarah syarikat sehingga 31.12.2014.

Walaupun pada asalnya syarikat adalah merupakan syarikat dorman, namun dengan pemberian pinjaman kepada Pengarah E syarikat telah dianggap menjalankan operasi sebagaimana menurut subseksyen 21A (8) ACP. Pinjaman yang diberikan kepada Pengarah E adalah tertakluk kepada seksyen 140B ACP di mana pendapatan faedah yang disifatkan diterima tersebut akan ditaksir di bawah perenggan 4(c) ACP.

Pendapatan faedah yang disifatkan diterima oleh syarikat bagi tahun taksiran 2014 (anggap KBPP 3%) adalah seperti berikut-

Tahun Taksiran 2014	Baki Pinjaman (RM)	Pendapatan Faedah Yang Disifatkan Diterima (RM)
Mac – Dis	100,000 @ 3% x 10/12	2,500

7 Peruntukan Lain Berhubung Pinjaman Atau Pendahuluan Kepada Pengarah

7.1 Subseksyen 29(3) ACP

Untuk pinjaman atau pendahuluan daripada dana dalaman yang diberikan oleh syarikat kepada pengarah, peruntukan subseksyen 29(3) ACP adalah tidak terpakai walaupun pinjaman tersebut melibatkan orang berkaitan sebagaimana yang ditafsir di bawah subseksyen 29(3) ACP kerana seksyen 140B ACP merupakan peruntukan khas untuk menentukan pendapatan faedah yang disifatkan diterima oleh syarikat dalam tempoh asas bagi

sesuatu tahun taksiran untuk pinjaman atau pendahuluan diberikan kepada pengarah.

7.2 Subseksyen 140A(2) ACP

Bagi pinjaman atau pendahuluan kepada pengarah syarikat yang juga merupakan pemegang saham menurut subseksyen 75A(2) ACP, peruntukan subseksyen 140A(2) ACP adalah tidak terpakai kerana manfaat yang diperoleh oleh pengarah daripada pinjaman atau pendahuluan telah dicukai ke atas syarikat berdasarkan seksyen 140B ACP. Syarikat tidak perlu menyediakan dokumentasi berkaitan untuk tujuan subseksyen 140A(2) ACP.

Contoh 19

En. F, seorang pengarah RYZ Sdn Bhd telah menerima pinjaman dari syarikat yang dibiayai daripada dana dalaman. En. F memegang saham sebanyak 46% dalam RYZ Sdn Bhd. Pinjaman yang diberikan adalah tertakluk di bawah seksyen 140B ACP. Oleh itu subseksyen 140A(2) ACP adalah tidak terpakai kepada syarikat.

7.3 Akta Pemberi Pinjam 1951 (APP)

Pengenalan seksyen 140B ACP tidak menghalang atau menyekat perniagaan dan transaksi pemberi pinjaman sebagaimana yang diperuntukkan di bawah APP. Seksyen 140B ACP adalah suatu peruntukan bagi menetapkan pendapatan faedah disifatkan yang diterima oleh syarikat bagi pinjaman atau pendahuluan yang diberikan kepada pengarah tanpa faedah atau dengan kadar faedah yang rendah daripada kadar selengan.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**